

# PEMILIHAN DAN PENILAIAN: SUATU PENELITIAN PENDEKATAN BERITA PEMBANGUNAN DI MALAYSIA

NOR ZALIZA SARMITI

---

## ABSTRACT

*It may be ironical to talk about development communication in an era that has been characterised by information and communication revolution. However, this revolution creates a gap between communication media and human aspects of information, hence the continuing relevance of development issues. This article defines development news and the role of media in the development of a society and nation. The process, approach and values with regard to journalism is discussed in the context of Malaysian media and its environment.*

## PENGENALAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan corak pemerintahan demokrasi Raja Berperlembagaan, memperlihatkan kerajaan memerintah sebagai perancang serta pelaksana usaha-usaha pembangunan negara. Dalam hal ini, ia turut mendapat kerjasama serta bantuan daripada pelbagai organisasi, agensi, serta badan-badan tertentu termasuklah juga pengamal media melalui paparan beritanya.

Bermula seawal Rancangan Malaya Pertama pada tahun 1950 hingga 1960 sehinggalah Rancangan Malaysia Kelapan (RM8) yang diperkenalkan pada 2001 sehingga 2005, beberapa aspek serta objektif baru sentiasa ditekankan dalam pembangunan yang terancang untuk muncul sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh sebab itu, bantuan media terutamanya akhbar amat diperlukan bagi memastikan hasrat dan cita-cita kerajaan dapat disampaikan kepada seluruh masyarakat dan pendedahan terhadap berita-berita berkaitan pemerintah secara tidak langsung membantu dalam urusan pelaksanaannya. Realiti sejarah membuktikan bahawa media terutamanya di negara sedang membangun, tidak boleh tidak akan juga mempunyai keterikatan dengan organisasi kerajaan dan kenegaraan. Media dipercayai berfungsi dan berpotensi untuk mempengaruhi tanggapan, pemikiran, keutamaan, dan tindakan awam. Oleh itu, penglibatan media tempatan dalam menggerakkan usaha-usaha pembangunan nyata bersesuaian bagi merealisasikan impian serta matlamat pemerintahan.

McKay dalam artikelnya yang bertajuk "Development Journalism in an Asian Setting: A Study of Depthnews" (1993: 237) mengatakan media mempunyai peranan penting dalam membantu proses pembangunan nasional khususnya bagi negara-negara Dunia Ketiga. Oleh itu, kemampuan media menjadi alat atau agen kepada perubahan turut boleh dilakukan dengan

membawa imej dan simbol pemodenan kepada masyarakat yang secara tidak langsung mampu memberikan kesan kepada penerimaan, akibat pendedahan yang berlaku. Dalam hal ini, media nyata berupaya menyumbangkan sesuatu kepada negara dan dalam konteks Malaysia, ia membantu proses pembangunan negara dengan pengutaraan berita-berita pembangunan yang selari dengan misi dan hasrat kerajaan.

Sesuatu yang menarik perhatian dan mengubah sedikit tumpuan pengkaji dapat diperhatikan melalui kenyataan Mustafa Kamal Anuar (1993: 142) iaitu wujud keadaan yang menyukarkan media untuk melakukan peranannya dalam pembangunan masyarakat yang hidup dalam sistem demokrasi akibat adanya ikatan hubungan antara media dengan pemerintah. Media yang terikat dengan pemerintah dikatakan boleh mempengaruhi perjalanan media yang mungkin jauh daripada keperluan individu, kumpulan bukan pemerintah atau mungkin juga organisasi media itu sendiri.

Keadaan ini semacam menjelaskan bahawa berita pembangunan yang diutarakan lebih memikirkan soal pembangunan negara semata-mata dengan menekankan aspek pelaporan usaha-usaha yang dilakukan oleh pemerintah untuk pembangunan serta berita yang memihak kepada golongan pemerintah sahaja. Dalam hal ini, timbul persoalan dalam pemikiran pengkaji, bagaimana pula dengan hasrat, keinginan, dan cita-cita pembangunan oleh golongan selain pemerintah? Apakah bentuk saluran yang digunakan sekiranya golongan ini tidak mempunyai peluang dalam menyatakan usaha-usaha pembangunan yang dirangka mereka sendiri?

Ternyata perkara yang ditimbulkan oleh Mustafa Kamal Anuar (1993: 142), tidak berakhir begitu sahaja apabila persoalan ini merebak kepada perkara yang berkait dengan soal keuntungan dan aktiviti jual beli dalam organisasi media. Sudah pasti media akan beralih pandang dalam pelaporan berita pembangunan apabila aspek keuntungan mula dinilai. Ini juga melibatkan aspek penjualan dan periklanan. Hal ini diperkatakan oleh D.V.R. Murthy (2000: 29) dalam artikelnya dengan memetik kata-kata Nayar:

...kebanyakan akhbar merupakan produk daripada sebuah perniagaan, apa yang boleh dijual dan bagaimana ia akan membangun serta kandungannya kini ditentukan oleh tinjauan ke atas pasaran, bukan pada rancangan editor. Konsep lama bahawa akhbar mewakili idea, suara hati masyarakat atau kebangsaan sudah tidak boleh diguna pakai.

Kenyataan ini nyata memberikan sedikit perspektif yang berbeza seperti yang diterima pakai selama ini apabila faktor periklanan dan kemampuan meraih keuntungan sebagai perkara yang utama untuk difikirkan. Ternyata dalam penentuan pelaporan berita pembangunan, kerajaan yang dianggap mempunyai kuasa mentadbir berkemungkinan juga didatangi persaingan kuasa ekonomi, tanggungjawab, aspirasi masyarakat, dan sebagainya dalam penentuan pelaporan berita berunsurkan pembangunan.

## **PENDEFINISIAN DAN PERKEMBANGAN KAJIANNYA**

Pembangunan merupakan satu bidang antara disiplin. Pengajiannya tidak hanya dipelopori oleh bidang ekonomi, malah turut menerima sumbangan daripada pengkaji disiplin sosiologi, sejarah, geografi, sains politik, dan juga komunikasi. Dalam bidang komunikasi, pengajiannya tidak hanya tertumpu kepada pembangunan media semata-mata malah turut melibatkan pengisian di dalamnya iaitu berkaitan dengan pemilihan dan pemaparan berita pembangunan.

Banyak kajian telah dilakukan berkaitan dengan berita-berita pembangunan terutamanya yang melibatkan Negara Dunia Ketiga. Bermula seawal 1970-an, pengkajian menampakkan perkembangannya dan sehinggalah hari ini beberapa usaha pengkajian masih dilakukan. Menurut

Hancock (1981: 13), dalam memberikan pengertian mengenai pembangunan terdapat sedikit kesulitan pada awal kajian berkaitan dengannya kerana terdapat banyak definisi pembangunan yang lebih kepada berbentuk abstrak. Baginya, pembangunan secara umumnya berhubung dengan perubahan dalam masyarakat yang diwakili, yang membenarkan perubahan terhadap perkembangan sejarah dalam masa singkat dengan menaikkan tahap kehidupan yang standard, kemuncak ekonomi, sosial, dan pendidikan untuk menuju ke arah masyarakat industri.

Bagi McDaniel (1986: 167) pula, dalam satu kajian yang dilakukan, turut mendefinisikan berita pembangunan sebagai sebarang berita yang berkaitan dengan perubahan ke arah peningkatan kualiti kehidupan, persekitaran, pendidikan, ekonomi dan keadaan kewangan, kesihatan atau perkhidmatan sosial. Yang jelas, berita pembangunan ini boleh didefinisikan secara ringkas sebagai maklumat yang mempromosikan atau memperkenalkan sesuatu pembangunan.

Pendefinisian terhadap pembangunan bagi merangkumi makna sebenar mungkin sukar dilakukan. Ini kerana yang terselindung di sebalik makna pembangunan itu sendiri adalah cukup luas. Menurut Mohd Hamdan Adnan (1991: 67), untuk meneliti definisi pembangunan yang lebih spesifik, ia perlu melihat matlamat dan strategi yang dirangka atau digunakan dalam mencapai sesuatu tahap pembangunan yang diinginkan.

Dalam hal ini, jika dikaitkan dengan konteks kajian bagi Malaysia, teras pembangunan RM8 (bersesuaian dengan tempoh pemerhatian) yang dirangka boleh dijadikan alat ukuran untuk mewakili makna pembangunan yang sebenar. Oleh itu, berita pembangunan di Malaysia boleh didefinisikan sebagai sebarang berita yang mempunyai unsur-unsur atau bertemakan aspek-aspek penting yang terkandung dalam RM8 (rujuk buku *Rancangan Malaysia Kelapan*, 2001, Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri).

D.V.R. Murthy (2000: 24), mengambil kenyataan daripada sarjana Barat seperti Righter, Stevenson dan Hachten yang mengandaikan pemberitaan pembangunan turut dikenali sebagai berita sokongan atau berita propaganda oleh pihak pemerintah kerana kebanyakan pemberitaannya bergantung pada atau berada di pihak pemerintah. Kenyataan para sarjana ini merupakan suatu pandangan yang diterima pakai oleh kebanyakan pengkaji sebelum aspek keuntungan dan keinginan golongan bukan mewakili kerajaan mula cuba mendapatkan tempat.

Berita pembangunan meliputi pelaporan yang dianggap berguna dan membantu pencapaian pemerintah sama ada ia meliputi soal ekonomi ataupun sosial yang separa sistematik yang digunakan untuk membentuk sokongan masyarakat di sebalik polisi kerajaan yang diwujudkan. Oleh itu, berita mewakili pembangunan yang dilaporkan secara positif, negatif, atau seimbang berhubung rapat juga dengan soal sama ada menyokong dan berada di pihak pemerintah atau sebaliknya. Ini kerana pembangunan yang dimaksudkan ada kaitan dengan rancangan serta tindakan daripada kerajaan. Melihat kepada RM8 yang dijadikan asas dalam mendefinisikan pembangunan, sudah pasti penelitiannya akan melibatkan imej serta pencapaian pemerintah itu sendiri.

Apabila memperkatakan soal pembangunan, terdapat satu perkara yang perlu ditekankan iaitu perlunya satu perubahan pemikiran diperkembang. Ia berkaitan dengan pemberian makna terhadap maksud pembangunan itu sendiri. Pada awal pengkajian berkaitan dengan pembangunan, soal material atau berkaitan dengan ekonomi banyak didedahkan, kemudian ia berkembang ke arah kesedaran masyarakat terhadap pembangunan politik dan sosial. Setiap perancangan pembangunan yang dilakukan lebih berbentuk fizikal dan ia menjurus ke arah pembangunan yang berbentuk luaran yang dapat dilihat contohnya melalui pembangunan perumahan, infrastruktur yang berbentuk sosial, dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana yang mewakili aspek ekonomi dan banyak lagi.

Teori Media Pembangunan oleh McQuail (1987: 121)—yang diperhatikan memunculkan beberapa konsep yang bersesuaian untuk menerangkan serta mewakili proses atau sistem akhbar yang diamalkan di negara ini—menyatakan penekanan diberikan kepada soal ekonomi, keperluan pembangunan masyarakat, aspek budaya, dan bahasa nasional. Walau bagaimanapun, kajian oleh Nor Zaliza (2003) yang menggunakan kaedah analisis kandungan akhbar mendapati berita pembangunan bertemakan ekonomi, pendidikan, politik, dan pembangunan sumber manusia adalah antara tema yang kerap dipaparkan dalam akhbar kajiannya.

Selain aspek pemberian makna pembangunan, masih terdapat kelompangan dalam beberapa perkara yang dianggap penting bagi menseimbangkan pembangunan yang dirancang terutamanya terhadap peningkatan kualiti kehidupan manusia itu sendiri. Dalam buku *Mass Media and National Development: Experiences of Malaysia and Uzbekistan* (1998: 4) ada dinyatakan beberapa peranan media massa terhadap pembangunan nasional yang antaranya menyebut bahawa media harus memainkan peranan utama dalam mengubah psikologi serta cara masyarakat berfikir. Oleh itu, berita-berita yang berbentuk mental dan spiritual turut juga harus diutarakan dalam menggerakkan minda masyarakat berfikir selain pemaparan berita berbentuk fizikal. Sememangnya berita berbentuk seperti inilah yang diperlukn dalam mengisi makna pembangunan kerana seperti yang dinyatakan oleh Hemant Shah (1990), kesan ke atas masyarakat adalah antara tiga prinsip utama yang dinyatakan dalam berita pembangunan selain pelaporan menyokong dan benar.

Ini bersesuaian dengan kenyataan oleh Jakob Oetama dalam Mustafa K. Anuar (2000: 184) bahawa berita pembangunan bergerak dalam dua peringkat iaitu makro dan mikro. Berita pembangunan berbentuk makro melibatkan pemberitahuan tentang program daripada kerajaan dan polisi ekonomi yang dirancang. Ia termasuk juga hal seperti sosial, budaya, persekitaran politik, dan sebagainya yang lebih bersifat umum. Ia dikatakan lebih berbentuk pelaporan fizikal kerana hanya melibatkan berita yang menunjukkan usaha-usaha yang dijalankan dalam mengisi pembangunan yang dirancang.

Berita pembangunan mikro pula melibatkan pelaporan yang lebih spesifik. Pelaporannya berkaitan dengan kejayaan serta kegagalan sesuatu projek yang berhubung kait dengan soal pembangunan yang bersifat dalaman. Ia dikatakan sebagai pelaporan berita yang mampu memberikan pengisian mental serta spiritual kepada pembaca serta mampu menembusi benteng psikologi seperti melibatkan kepercayaan, nilai, dan motivasi dalam diri pembaca bagi mewujudkan keseimbangan pengisian kepada pembangunan. Oleh itu, berita pembangunan bukan sekadar sebuah berita yang berbentuk pelaporan fizikal malah turut juga melibatkan pelaporan mental dan spiritual bagi memberikan pengetahuan serta idea kepada pembaca khususnya.

Selain itu, dalam pelaporan berita pembangunan, kita perlu sedar bahawa pembangunan merupakan proses yang berlaku sepanjang waktu. Berita pembangunan, seperti yang dinyatakan oleh Anita Fleming-Rife (2000: 79), harus membekalkan sejarah, konteks, matlamat, serta pencapaian. Hemant Shah (1990) pula menyarankan bahawa berita pembangunan seharusnya secara tidak langsung mengutarakan pembangunan kemanusiaan dengan meletakkan isu-isu pembangunan dalam agenda pembuat dasar supaya mereka akan mengambil tindakan untuk melakukan perubahan struktural yang melibatkan rancangan dan sebagainya. Kajian lepas memperlihatkan aspek sebegini kurang diberikan penekanan walhal berita-berita yang mampu menaikkan semangat dan motivasi pembaca dalam memahami pembangunan adalah amat diperlukan terlebih dahulu bagi pengisian rohani sebelum pendedahan kepada program yang berbentuk fizikal dihebahkan.


Sebagaimana yang ditegaskan dalam *Pengantar Sosiologi Pembangunan* oleh Rahimah Abdul Aziz (2001: 280), pembangunan bukanlah semata-mata merupakan satu isu ekonomi ataupun dilihat dari segi material sahaja. Pembangunan dikatakan meliputi juga soal kemajuan dan nilai-nilai tertinggi rohaniah, intelek, sosial, dan budaya.

Sememangnya dalam sibuk mengutamakan aspek material yang berbentuk fizikal, kerajaan Malaysia turut merangka aspek-aspek pembangunan yang berbentuk pengisian ketahanan dalaman bagi rakyatnya. Contohnya, dalam merangka program untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, aktiviti yang berbentuk motivasi dan pendidikan adalah antara yang dirancang. Pelaporan berita sebegini adalah antara contoh bagaimana media menghasilkan penulisan berbentuk keperluan mental.

Pembangunan tidak terhasil daripada proses evolusi yang spontan. Ia dirancang secara sedar dan sengaja untuk mencapai matlamat tertentu. Pengertian pembangunan lebih khusus dikaitkan dengan perubahan berencana dan terkawal, yakni proses berlakunya perubahan hasil daripada usaha sedar manusia untuk mencapai sesuatu matlamat pembangunan mengikut rancangan tertentu.

Jika dilihat dalam konteks negara Malaysia, sejak awal dasar rancangan pembangunan negara lagi, aspek ekonomi menjadi tumpuan utama berbanding yang lain. Kini setelah Malaysia berada dalam rangka RM8, walaupun penumpuannya masih dianggap hampir sama, terdapat beberapa perkara yang menampakkan perubahan terutamanya apabila Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr Mahathir Mohammad menyatakan bahawa strategi pembangunan telah diubah daripada strategi pertumbuhan yang didorong oleh input kepada pertumbuhan yang didorong oleh pengetahuan. Keadaan ini menampakkan bahawa wujudnya usaha-usaha kerajaan Malaysia untuk cuba beralih kepada soal-soal yang menekankan pembangunan mental. Oleh itu, institusi media terutamanya bagi pengamal media perlulah melaksanakan hasrat kerajaan ini dengan mengutarakan berita-berita pembangunan yang mampu merangsang minda rakyat untuk bersedia menerima dan sama-sama menyahut cabaran mendatang. Ternyata keperluan untuk mencipta pembangunan tidak hanya sekadar memandangkan aspek fizikal kerana keperluan lain seperti aspek mental dan spiritual berupaya menukar pemikiran masyarakat ke arah yang positif dan sekali gus mampu mempercepat pembangunan negara.

**Rajah 1: Carta Aliran Penghasilan Berita Pembangunan**



Selain itu, berita pembangunan tidak hanya tertumpu kepada berita pelaporan positif sahaja, malah turut juga meliputi berita yang dianggap negatif kepada pihak-pihak tertentu; contohnya kerajaan sendiri. Ini perlu bagi mewujudkan keseimbangan untuk mengurangkan *margin of error* dalam rancangan pembangunan negara di samping mampu menjadi antara perkiraan kerajaan untuk membuat dasar dan merancang projek pembangunan seterusnya. Ini kerana bagi mencapai kejayaan dalam setiap strategi pembangunan yang dirangka, ia memerlukan usaha timbal balik antara kerajaan dengan masyarakat umum bagi manfaat bersama.

## KUASA DAN MEDIA: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Setiap kerajaan ingin mengurus berita, untuk memperbesar yang baik, memperkecil yang buruk dan memperbaiki imej pemimpinnya. Keadaan ini menjelaskan bagaimana negara berpengaruh dalam penyediaan idea, corak pemikiran atau ideologi tertentu untuk diguna pakai dan diperjuangkan oleh media massa dengan nyata.

Dalam memperkatakan kaitan media dengan negara, soal pemilikan dan penguasaan ke atas media di Malaysia tidak boleh diketepikan. Ia nyata mempunyai hubungan dengan golongan yang mempunyai kuasa sama ada di peringkat politik mahupun ekonomi. Oleh itu, media secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan pemerintah yang berhubung juga dengan negara. Dalam keadaan ini, media tidak boleh bergerak sendiri kerana perkaitan yang wujud menampakkan hubung kait yang sukar dipisahkan. Secara jelas, boleh dikatakan media perlu menjalankan tugas terhadap negara di samping kesedaran terhadap tanggungjawab sosial membantu pemerintah mentadbir negara.

Menurut Mustafa Kamal Anuar dalam buku *Prosiding Simposium Penyelidikan Komunikasi Ketiga* (1993: 142), dalam konteks Malaysia, falsafah dan objektif media ini boleh diselarikan dengan kehendak dan keperluan pemerintah dan golongan pemodal memandangkan media tempatan pada keseluruhannya dimiliki oleh golongan yang rapat dengan pemerintah. Ini secara jelas menampakkan media yang diwakili sama ada media cetak mahupun elektronik boleh digunakan oleh negara yang diperintah oleh sesebuah kerajaan bagi kepentingan-kepentingan tertentu terutamanya dalam memastikan kerajaannya diterima. Dasar-dasar yang dirangka oleh pemerintah pasti akan mempengaruhi perjalanan media dan bentuk pemberitaannya. Keadaan yang berlaku ini membolehkan apa-apa sahaja bentuk isu yang ingin dibangkitkan oleh pemerintah dipaparkan pada media dalam usaha memudahkan perjalanan pentadbiran negara.

Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa keadaan media di Asia sebagai *not-so-liberal democracy*. Dalam artikel bertajuk "The Media In Asia" oleh Gunaratne (1999: 208), Mahathir menyatakan bahawa kebebasan media sepenuhnya mempunyai kaitan dengan kepentingan dan keperluan minat daripada masyarakat. Turut dinyatakan dalam artikel tersebut, penilaian daripada "Freedom House" menunjukkan wujudnya tahap tekanan politik yang tinggi ke atas kandungan media di Malaysia. Wartawan dikatakan harus mengikut Rukun Negara, ideologi negara yang memberikan penekanan kepada perpaduan nasional, demokrasi, keadilan sosial, pemikiran yang progresif, dan budaya tradisi. Baginya, perbezaan antara bentuk sistem akhbar autoritarian, komunis, dan tanggungjawab sosial menjadi tidak jelas di Asia jika dilihat dari perspektif Mahathir. Kenyataan ini menjelaskan bagaimana media di Malaysia mempunyai hubungan dari segi memenuhi keperluan dan kehendak kerajaan terutamanya dalam konteks pengisian kandungan media.

Sememangnya sukar untuk memberikan penentuan terhadap sistem akhbar yang diamalkan di Malaysia dan empat teori akhbar yang asas tidak mampu menerangkan arah perjalanan media, terutamanya bagi akhbar arus perdana. Yang pasti, kebebasan akhbar tetap

wujud di Malaysia walaupun agak terkawal dan tanggungjawab akhbar membantu pemerintah untuk memastikan pentadbiran negara dapat berjalan lancar memang diketahui umum. Keadaan yang berlaku ini bersesuaian dengan teori Media Pembangunan yang diperkenalkan oleh McQuail (1987) yang menyatakan negara mempunyai hak untuk campur tangan dan mengawal operasi media, termasuklah dengan menggunakan penapisan, subsidi, dan kawalan langsung demi memastikan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan lancar. Keadaan yang sama juga dilaungkan oleh Hachten (1981) yang menyatakan Negara Dunia Ketiga yang diwakili oleh Malaysia lebih banyak menggunakan teori media pembangunan dalam sistem akhbarinya.

Kesedaran bahawa media mampu menjalankan tugas sebagai agen bagi membantu pelaksanaan pembangunan sesebuah negara terutamanya di Negara Dunia Ketiga telah pun disedari seawal pengkajian. Ia nyata berhubung kait dengan kemampuan media itu sendiri dalam menyalurkan informasi untuk pengetahuan masyarakat umum. Kata-kata yang dipetik daripada Rogers dalam buku bertajuk *Rakan Kongsi, Komunikasi dan Media dalam Pembangunan* (Mazanah Mohamad dan Ezhar Tamam 1996: 199), menyatakan media massa, termasuk media berita, bukan sekadar menyampaikan maklumat pembangunan, malah ia boleh membantu sesebuah negara menggerakkan dan mempercepat proses memajukan negara. Pemaparan berita-berita yang menggerakkan masyarakatnya ke arah perubahan yang positif di samping pengutaraan berita pembangunan akan membantu menyedarkan serta mendorong masyarakat untuk menerima, terdedah, dan terlibat dalam program-program perubahan yang dirangka oleh pemerintahnya. Media nyata membantu penyebaran maklumat daripada kerajaan terus kepada masyarakat dan ini memudahkan usaha-usaha pemerintah melaksanakan pembangunan negara.

Sememangnya di negara-negara membangun atau di Negara Dunia Ketiga, peranan media tempatan dalam membantu usaha-usaha pembangunan dapat dilihat dengan jelas. Peranan ini dilihat sebagai satu tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan oleh institusi media dengan menyokong usaha-usaha kerajaan bagi memastikan negara yang diwakilinya dapat terus berkembang maju.

Dalam melakukan penelitian terhadap peranan dan tanggungjawab media, kita tidak boleh menyamakan perjalanan media di Barat dengan ruang lingkup negara-negara di Asia kerana wujudnya perbezaan politik, sistem pemerintahan, dan budaya yang paling ketara seperti yang dinyatakan oleh Ogan (1982: 3) dalam *New International Information Order*. Ogan membahagikan wartawan kepada dua bahagian iaitu pertamanya gaya Barat, wartawannya menganjurkan polisi *laissez-faire* dalam mengumpulkan dan menyebarkan maklumat. Kedua, gaya di Negara Dunia Kedua dan Ketiga, iaitu wartawan sering merasakan bahawa dalam proses melaporkan berita penting untuk menerima input daripada kerajaan. Kenyataan ini boleh dikukuhkan lagi dengan melihat kajian lepas seperti yang dinyatakan oleh Ogan (1987) dan Drew McDaniel (1986), iaitu pendekatan gaya pemberitaan yang dipilih oleh kebanyakan Negara Dunia Ketiga memperlihatkan bahawa pentingnya bahan-bahan pemberitaan yang memihak kepada kerajaan diutarakan kerana dikatakan wujudnya ikatan pemilikan ke atas media terbabit.

Artikel bertajuk "The Media In Asia, An Overview" (1999: 206) oleh Gunaratne menyatakan sebahagian wartawan ASEAN telah mengutarakan satu bentuk model wartawan Asia yang menyatakan perlunya suatu kerjasama dengan kerajaan dalam pembinaan negara. Tambah beliau, wartawan seharusnya menyokong usaha-usaha pembangunan negara. Sememangnya bagi negara-negara yang sedang membangun, keadaan yang dinyatakan di atas memang berlaku dan peranan kerajaan dalam sistem media memang tidak dapat dinafikan. Ini diakui sendiri oleh sarjana komunikasi Wilbur Schramm (dalam Stevenson 1988: 25) yang menyatakan pengaruh pemerintah ke atas media iaitu kerajaan merupakan kuasa utama dalam

mengarahkan usaha-usaha pembangunan nasional. Ini bermakna, usaha campur tangan kerajaan dalam media massa tidak mungkin dapat dielakkan.

Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan di atas memperlihatkan bagaimana sistem media yang diamalkan di Negara Dunia Ketiga atau negara membangun telah menampakkan wujudnya campur tangan oleh golongan-golongan berkepentingan tertentu dalam negara, maka wujud keadaan yang menyaksikan kandungan beritanya perlu menyokong usaha-usaha kerajaan memerintah terutama dalam hal pembangunan yang dirangka. Media dianggap bekerja untuk negara dan dengan ini jelas menampakkan peranan media itu sendiri sebagai alat atau ejen penyaluran berita pembangunan kepada masyarakat demi kepentingan negara terbabit.

Walaupun peranan media dan agenda pembangunan negara saling berkait sejak dahulu lagi, perkara ini masih relevan pada masa kini. Ini selari dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (1988), bahawa media di negara sedang membangun mempunyai peranan penting untuk membantu negara dengan memajukan kualiti kehidupan masyarakatnya. Media dianggap sebagai pelengkap kepada kerajaan untuk menyalurkan maklumat tentang pembangunan negara supaya rakyat terdedah kepada peluang-peluang yang disediakan serta merangsang rakyat untuk bertindak dan terlibat sama dalam menjayakan pembangunan.

Sistem media di negara-negara membangun menampakkan wujudnya pertalian antara kerajaan memerintah dengan media. Ini berlaku atas beberapa faktor termasuklah pemilikan media itu sendiri yang majoritinya dipegang oleh golongan yang berkepentingan sama ada dalam politik mahupun ekonomi. Dalam hal ini, persoalan yang mungkin timbul ialah dalam bentuk apa kerajaan melibatkan diri dalam pengisian media terutamanya dalam melaporkan berita berkaitan pembangunan.

Bagi memahami peranan media terhadap pembangunan nasional, perbincangan tentangnya tidak akan dapat lari daripada realiti di sebalik pemilihan berita, soal pemilihan, hubungan media dengan pemerintah, dan juga amalan-amalan dan prosedur pemberitaan. Kesemua ini perlu diteliti bagi mendapatkan jawapan kepada permasalahan sejauh mana media tempatan berperanan dalam menyalurkan berita berbentuk pembangunan.

Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha untuk membangunkan serta memajukan negara dengan memberikan penekanan kepada beberapa aspek yang dianggap penting kepada rakyat dan negara seperti yang terkandung dalam RM8. Untuk menjayakan semua hasrat kerajaan ini, setiap institusi yang ada perlu berusaha bersama-sama dalam menjayakannya dan dalam konteks ini peranan daripada akhbar amat diperlukan.

Dalam hal ini, selain aspek tanggungjawab serta peranan, seperti yang telah dinyatakan dalam makalah ini, soal hasil atau perolehan pendapatan organisasi akhbar terbabit tidak boleh diketepikan. Hidup mati sesebuah akhbar bergantung juga pada kemampuan jumlah jualan akhbar dan juga periklanan.

Kenyataan ini akan memberi sedikit tamparan kepada beberapa pendapat para sarjana yang dipegang kukuh selama ini iaitu media berperanan sebagai agen pembangunan sedangkan kajian-kajian lepas turut menunjukkan bahawa organisasi media menjadikan faktor periklanan dan kemampuan meraih keuntungan sebagai suatu yang utama.

Apabila menyentuh fungsi media sebagai agen kepada pembangunan, ia mungkin cukup sesuai untuk mewakili keadaan media di negara membangun seperti Malaysia. Melalui berita-berita yang dipaparkan, penyebaran informasi mengenai misi dan matlamat kerajaan dalam menjalankan pentadbiran dan pembangunan negara mampu dilakukan. Ternyata dalam soal berita pembangunan, media yang dikatakan mampu menjalankan tanggungjawab khususnya dalam membangunkan masyarakat dan negara berkemungkinan terikat dengan faktor-faktor



persekitarannya. Sekiranya ia berlaku, ia pasti menimbulkan dilema dalam menyatakan peranan media itu sendiri.

### **KEBEBASAN: PEMILIHAN DAN PENILAIAN**

Hal yang mungkin sentiasa menjadi isu perdebatan antara pengamal media, pemerintah, individu, golongan yang mewakili pertubuhan tertentu atau mungkin juga para pengkaji sendiri ialah soal kebebasan pada media yang dianggap sebagai subjektif. Mungkin ia kelihatan rumit dan terlalu besar untuk diteliti, namun ia dapat dileraikan dengan meneliti pengertian makna kebebasan daripada pengamal media sendiri.

Telah dinyatakan dalam teori Media Pembangunan oleh McQuail (1987), atas kepentingan pembangunan, negara berhak untuk campur tangan dan mengawal operasi media termasuklah dengan menggunakan kaedah penapisan, subsidi, dan kawalan langsung. Yang dimaksudkan dengan negara, bolehlah diwakili oleh pemerintah atau kerajaan. Di Malaysia, pemerintah mempunyai kuasa dalam penggunaan kaedah kawalan seperti yang dinyatakan oleh McQuail melalui pengenalan teorinya. Ini dapat dilihat dengan wujudnya beberapa undang-undang dan akta yang diperkenalkan. Antaranya Akta Keselamatan Dalam Negeri (1960), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984) dan dalam Perlembagaan Malaysia sendiri yang memperlihatkan kebebasan akhbar terletak di bawah peruntukan kebebasan bercakap serta menyatakan fikiran.

Walaupun begitu, yang penting dalam memastikan pembangunan dapat dilakukan ialah pemaparan berita yang menyokong serta membantu kejayaan negara dan masyarakat yang diwakilinya adalah hal yang diutamakan (rujuk Nor Zaliza 2003). Oleh itu, keseimbangan dalam membuat keputusan berkaitan dengan soal perlu atau tidak sesuatu berita itu dilaporkan berada pada tahap tanggungjawab sosial individu yang mewakili pembuat keputusan. Dalam hal ini, ia dipikul oleh editor atau pengarang yang mewakili sesebuah organisasi media.


Ternyata kerajaan mempunyai peranan tersendiri iaitu sebagai pemantau operasi dan hal ini bukanlah suatu perkara yang serius sehingga mengganggu tugas dan perjalanan sesebuah akhbar. Seperti yang dinyatakan dalam kajian Nor Zaliza (2003) yang diperoleh daripada temubual dengan empat orang pengamal media, rata-rata mereka bersetuju bahawa “kebebasan adalah perkara yang subjektif dan perasaan dikongkong atau disekat adalah persepsi buruk umum”. Kebebasan ialah hal yang perlu diperjuangkan secara berterusan dan kawalan atau sebarang campur tangan oleh golongan tertentu tidak harus dijadikan alasan untuk merasa diri disekat. Ini kerana perasaan disekat kerap kali datangnya daripada diri sendiri dan merupakan cabaran serta tanggungjawab individu untuk keluar daripada kongkongan ini.

Sememangnya berita pembangunan tidak hanya diwakili oleh berita yang positif kepada pemerintah semata-mata, tetapi juga kes atau peristiwa yang menampakkan kepincangan dan juga sebarang komen yang membina turut dilaporkan bagi membantu pencapaian erti pembangunan sebenar. Dalam hal ini, ia turut melibatkan sama ada kerajaan, swasta atau pihak awam sendiri demi memastikan perjalanan ke arah pembangunan dapat dilaksanakan dengan seimbang iaitu memberikan kebaikan kepada negara dan masyarakat yang diwakili.

Ternyata ada suatu nilai yang diguna pakai oleh pengamal media di Malaysia dalam membuat pemilihan sesebuah berita yang hendak dipaparkan. Ia bukan hanya mengambil kira nilai yang diterima oleh Barat iaitu seperti yang dinyatakan oleh Galtung dan Ruge (1965) melalui pendekatan nilai berita, malah tambahan yang paling penting membezakan Malaysia dengan negara lain ialah aspek kepentingan nasional dan rakyat sebagai suatu nilai utama. Kajian yang dilakukan oleh Nor Zaliza (2003) membuktikan bahawa kepentingan negara dan

masyarakat adalah yang paling diutamakan, menewaskan soal keuntungan atau kepentingan sesetengah pihak.

**Rajah 2: Nilai Berita Pembangunan di Akhbar**



Media yang turut diwakili oleh akhbar dikatakan berperanan besar dalam menyalurkan berita pembangunan, bukan sekadar melapor atau memberitahu, malah turut bertindak sebagai alat mengubah pemikiran bersesuaian dengan andaian awal yang dibentuk bahawa akhbar berperanan sebagai agen mencorakkan minda masyarakat, termasuk pemerintah dan rakyat. Kepentingannya diakui dalam membantu mempromosikan pembangunan apabila ia dikatakan mampu mencorakkan minda masyarakat termasuk pemerintah dan rakyat dengan penyaluran berita pembangunan yang banyak berpandukan rancangan yang telah diatur, khususnya oleh pemerintah sendiri.

Walaupun dinyatakan bahawa banyak pemaparan berita memihak kepada pemerintah, masih ada lagi ruang bebas untuk mengeluarkan berita mengikut budi bicara pengamal media dan nyata ia tidak terikat sehingga boleh diandaikan sebagai dikongkong. Ia dinyatakan dalam Nor Zaliza (2003) melalui dapatan hasil daripada temu-bualnya dengan beberapa orang pengamal media di Utusan Malaysia dan New Straits Times.

Sememangnya kebebasan akhbar merupakan antara hak yang masih dan akan terus diperjuangkan kerana perkiraannya yang subjektif. Kebebasan yang dituntut sering kali melibatkan konflik yang berlegar dengan kuasa, sama ada dalam organisasi itu sendiri mahupun yang berada di persekitaran media terbabit. Namun, kawalan dan batasan yang ada sama ada datangnya daripada pihak kerajaan ataupun dalaman organisasi terbabit tidak sedikit pun dianggap sebagai suatu kongkongan yang menyekat untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab.

Kebebasan media yang dikehendaki perlulah memikirkan sensitiviti dan nilai yang ada dalam masyarakat Malaysia. Contohnya, perhatian berat perlu diberikan terhadap berita yang berkaitan dengan keharmonian serta penyatuan bangsa. Selagi berita tersebut positif serta mendatangkan kebaikan kepada ramai pihak, ia tidak menyalahi mana-mana peraturan atau akta yang sedia ada. Dan kerana itulah definisi yang diberikan bagi mewakili berita pembangunan bukan sekadar mengambil kira berita berorientasikan positif sahaja tetapi juga bagi berita yang berorientasikan negatif yang matlamat akhirnya untuk menjaga kepentingan negara serta masyarakatnya.

Dalam hal ini, yang paling diutamakan ialah media akan menyokong setiap tindakan dan rancangan kerajaan yang memberikan kebaikan kepada semua pihak, yang diwakili oleh golongan majoriti. Sebarang usaha, sama ada berkaitan dengan bahasa, budaya, ekonomi atau sebagainya yang berhubung kait dengan polisi akan tetap mendapat sokongan.

Seperti yang dinyatakan oleh Hachten (1987: 31), selagi sesebuah negara berada dalam keadaan pembangunan, media harus menyokong golongan autoriti dan tidak menolak atau melawannya.

Suatu perkara yang perlu disetujui bersama ialah berita pembangunan tidak seharusnya sekadar melaporkan yang baik sahaja untuk masa sekarang atau dalam jangka masa tertentu, tetapi turut melibatkan apa-apa yang mungkin berlaku sepanjang masa. Selain melaporkan aspek berkaitan dengan pembangunan yang sedang dijalankan, ia juga haruslah memperlihatkan secara kritikal dan secara relevan perjalanan serta kesan terhadap program yang dijalankan itu.

Menurut kenyataan yang diambil daripada *The Second Press Commission of India* (dalam D.V.R. Murthy 2000:24), pelaporan dalam berita pembangunan seharusnya menceritakan bukan hanya apa-apa yang sedang dijalankan dengan baik malah perlu juga memperlihatkan sekiranya ada yang tidak baik. Akhbar seharusnya menyiasat kejayaan yang berjaya dilakukan sama seperti sekiranya ia menemui kegagalan dalam memberikan kesan kepada masyarakat khususnya. Di sini jelas bahawa berita pembangunan harus dipaparkan dalam orientasi positif dan negatif tanpa mementingkan golongan tertentu kerana yang paling utama perlu difikirkan ialah soal kemampuan berita yang dilaporkan itu untuk menggerakkan masyarakat yang diwakilinya ke arah pembangunan yang seimbang.

Ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan Samsudin A Rahim bahawa organisasi akhbar dan wartawan di negara-negara membangun mempunyai tanggungjawab sosial yang berlainan dengan rakan-rakan mereka di negara maju. Kuasa yang ada pada akhbar dikatakan perlu digunakan untuk membangunkan masyarakatnya agar mereka dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik lagi. Pembangunan seharusnya dapat mendatangkan faedah kepada sebilangan besar rakyat. Seperti kata Rahimah Abdul Aziz (2001: 61), pembangunan yang hanya memberi faedah kepada segolongan individu belum boleh dianggap sebagai satu proses pembangunan yang lengkap dan menyeluruh.

Dalam menjelaskan sistem akhbar itu sendiri, sering kali aspek kawalan dan batasan diketengahkan. Pemerintah, pemilik organisasi, pengiklan, dan keuntungan menjadi hal yang sedikit sebanyak mencorakkan pengisian dalaman media. Namun satu hal yang harus disedari, ternyata media dikatakan tidak menyekatkan dirinya dengan persekitaran yang ada (rujuk Nor Zaliza 2003). Soal tanggungjawab serta prinsip kewartawanan yang menjadi pegangan utama setiap ahli organisasi berita terbabit akan cuba diseimbangkan dengan persekitaran ini.

## **RUMUSAN**

Meletakkan makna kepada berita pembangunan, nyata memerlukan pemerhatian dan penelitian terperinci. Pendekatan yang diguna pakai di Malaysia memperlihatkan perbezaan yang ketara dengan negara-negara sedang membangun yang lain. Ternyata dalam melaporkan berita pembangunan, pengertiannya bukanlah sekadar memenuhi keperluan yang dirancang oleh pihak pemerintah sahaja tetapi turut meliputi setiap program atau tindakan daripada warga sesebuah negara; contohnya peniaga, badan-badan tertentu, pihak pembangkang mahupun individu-individu tertentu. Berita-berita yang diwakilinya juga bukan sekadar berita yang positif dan memihak kepada pemerintah semata-mata tetapi juga meliputi berita yang mungkin berbentuk negatif asalkan mempunyai nilai serta bermatlamatkan kepentingan negara dan masyarakatnya.

Penelitian terhadap peranan, perjalanan, pendekatan, serta nilai yang diutamakan dalam pemilihan berita pembangunan secara tidak langsung mampu memberikan gambaran untuk memahami hubungan media dengan persekitaran serta keadaan di Malaysia. Daripada pembincangan di atas, definisi pembangunan boleh dirumuskan sebagai sebarang jenis berita sama ada positif mahupun negatif, daripada kerajaan, swasta atau badan-badan tertentu yang melibatkan usaha-usaha atau rancangan-rancangan untuk mengembangkan, meningkatkan atau membaharui suatu keadaan, kawasan, sesebuah negara yang akhirnya bermatlamat untuk

mewujudkan kebaikan secara keseluruhannya atas dasar kepentingan negara dan masyarakat yang diwakili. Media dikatakan berperanan dalam menyalurkan berita pembangunan dan turut meliputi perkara seperti melapor, memberitahu, dan turut bertindak sebagai alat mengubah pemikiran, bersesuaian dengan andaian yang selama ini terbentuk iaitu media berperanan sebagai agen mencorakkan minda masyarakat yang diwakilinya.

## RUJUKAN

- Berkowitz, D. 1997. *Social Meanings of News: A Text Reader*. California: Sage Publications.
- Bukhory Hj. Ismail. 1989. Asian News in Four US Newspapers. *Media Asia* 16 (4): 223-232.
- Bukhory Hj. Ismail. 1988. *Analysis of International News Coverage of 24 Asian Nation by the United State Newspaper*. USA: University Microfilms International.
- Burns, L. S. 2002. *Understanding Journalis*. London: Sage Publications.
- Chaudhary, Anju Grover. 2000. International Media Images: Is Development News Ignored in Western and Third World Newspapers? *Media Asia and Asian Mass Communication Quarterly* 27 (4): 212-218.
- Colle, D. 1995. How Decision Makers See 'Communication for Development'. *Journal of Development Communication* 2 (6): 56-67.
- Dong Geun Lee. 1995. The Role of Community Newspaper in Community Development. *Journal of Development Communication* 1 (6): 26-37.
- Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani. *Etika Kewartawanan*. Edisi 2. Subang Jaya: F.A.R. Publishers.
- Fleming-Rife, Anita. 2000. Development News Coverage of the United Nations Operation in Somalia: A Case Study. *The Journal of Development Communication* 2(11). Disember.
- Galtung, Johan and Mari Holmboe Ruge. 1965. The Structure of Foreign News. *Journal Peace Research* 2(1): 64-91
- Ginneken, J. V. 1998. *Understanding Global News: A Critical Introduction*. London: Sage Publications.
- Gunaratne, S. A. 1999. The Media In Asia: An Overview. *Gazette* 61(3-4): 197-223.
- Hachten, W. A. 1987. *The Third World News Prism: Changing Media, Clashing Ideologies*. 2<sup>nd</sup> Edition. Ames: Iowa State University Press.
- Hall, R.H. 1991. *Organizations, Structures, Processes and Outcomes*. Fifth Edition. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Hancock, A. 1981. *Communication Planning For Development: An Operational Framework*. France: UNESCO
- Hemant Shah. 1990. Factor Influencing Development News Production at Three Indian Dailies. *Journalism Quarterly* 67(4): 1034-1041.
- Ilias Md Salleh, Karen Wong Seet Tho, & The Leng Eng. 1995. *Mengkaji Semula Komunikasi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazanah Mohamad dan Ezhar Tamam. 1996. *Rakan Kongsi, Komunikasi dan Media Pembangunan*. Serdang: Penerbit UPM.
- McDaniel, D. 1986. Development News in Two Asian Nations. *Journalism Quarterly* 63:167-170.
- McKay, F. J. 1993. Development Journalism in an Asian Setting: A Study of Depthnews. *Gazette* 51: 237-251.

- McQuail, D. 1987. *Mass Communication Theory-An Introduction*. Second Edition. London: Sage Publications.
- Mohd Dhari Othman, Fuziah Kartini Hassan Basri & Mohd Yusof Abdullah. 1991. *Pasca Sidang Seminar Penyelidikan Komunikasi – Pemantapan Ilmu Menerusi Penyelidikan Komunikasi*. Bangi: Jabatan Komunikasi. UKM.
- Mohd Hamdan Adnan & Zulkarimein Nasution. 1992. *Komunikasi Pembangunan dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hamdan Adnan. 1991. Development and Anti-Development Messages in Film, Television and Advertising. *Media Asia and Asian Mass Communication Quarterly* 18(2): 63-72.
- Mohd Safar Hasim, Samsudin A. Rahim, dan Bobir Tukhtabayev. 1998. *Mass Media and National Development-Experiences of Malaysia and Uzbekistan*. Kuala Lumpur: International Centre for Media Studies (ICMS).
- Mohd Safar Hasim. 1993. Sistem Akhbar dari Perspektif Kuasa. Simposium Penyelidikan Komunikasi, Teras Pencapaian Wawasan 2020. Bangi: Jabatan Komunikasi, UKM. 7-8 September.
- Mohd Safar Hasim. 1996. *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Murthy, D.V.R. 2000. Developmental News Coverage in the Indian Press: In Analysis of Four Dailies. *Media Asia an Asian Mass Communication Quarterly* 27(1): 24-53.
- Mustafa K. Anuar. 1993. Media Cetak, Golongan Pinggiran dan Demokrasi. Simposium Penyelidikan Komunikasi, Teras Pencapaian Wawasan 2020. Bangi: Jabatan Komunikasi, UKM. 7-8 September.
- Mustafa K. Anuar. 2000. Malaysian Media and Democracy. *Media Asia and Asian Mass Communication Quarterly* 27(4): 183-189.
- Nor Zaliza Sarmiti. 2003. Pemilihan dan Penilaian Berita Pembangunan Di Malaysia: Kajian Kes Ke Atas Akhbar *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*. Tesis Sarjana, UKM.
- Ogan, C. L. 1987. Coverage of Development News in Developed and Developing Countries. *Journalism Quarterly* 64: 80-88.
- Rahimah Abdul Aziz. 2001. *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsudin A. Rahim. 1992. *Isu-Isu Komunikasi dalam Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stevenson, R.L. 1988. *Communication, Development, and the Third World: The Global Politics of Information*. New York: Longman.
- Unit Perancang Ekonomi, JPM. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Zaharom Nain. 1991. *Negara dan Media: Kaitan yang Membimbangkan*. Pasca Sidang Penyelidikan Komunikasi. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM. 3-4 September.
- Zaharom Nain. 1993. Komunikasi dan Pembangunan di Malaysia ke Arah Penilaian Semula Aliran Fungsionalisme. Simposium Penyelidikan Komunikasi, Teras Pencapaian Wawasan 2020. Bangi: Jabatan Komunikasi, UKM. 7-8 September.